
Taburan Wilayah Penutur Bahasa Melayu

Bahasa Melayu menjadi khazanah yang diwarisi dan terkenal semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Penggunaan bahasa Melayu tersebar di seluruh dunia dan digunakan sebagai bahasa ***lingua franca***. Peta di bawah menunjukkan antara taburan wilayah penutur bahasa Melayu di dunia.



Antara taburan wilayah penutur bahasa Melayu di dunia.

(Sumber: Asmah Haji Omar, 2015. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

Glosari

Lingua Franca: Bahasa perantaraan atau perhubungan antara masyarakat.



Francois Valentijn, (1726) seorang penulis Belanda telah merekodkan:

"Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di negeri-negeri sebelah Timur, sebagai satu bahasa yang difahami di mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah atau sebagai bahasa lingua-franca di Itali ... bahasa itu bukan sahaja dimengerti di Parsi bahkan lebih jauh daripada itu, dan di sebelah timurnya sehingga ke Kepulauan Filipina. Dan jika sekiranya awak tidak mengetahui bahasa ini, awak dianggap sebagai seorang yang tidak terpelajar di Timur."

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Cepat Jawab

Sebutkan dua buah wilayah penutur bahasa Melayu di dunia.

LIVEWORKSHEETS